

**Embargo:** Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Isnin, 27 November 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA  
MY LOCAL STATS 2022**

---

**Peratusan capaian isi rumah kepada internet di Malaysia ialah 96.0 peratus pada 2022 sementara 38 daripada 156 daerah pentadbiran di Malaysia mencatatkan peratusan capaian isi rumah kepada internet di bawah 90.0 peratus**

**PUTRAJAYA, 27 NOVEMBER 2023** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **My Local Stats 2022** yang merupakan penerbitan siri keenam sejak 2017. Penerbitan My Local Stats merangkumi seluruh negara, 13 penerbitan negeri dan tiga penerbitan wilayah persekutuan serta 156 daerah pentadbiran. Penerbitan ini mengintegrasikan statistik sosial dan ekonomi sehingga ke peringkat daerah pentadbiran dari 2020 hingga 2022 yang merupakan input penting untuk pembangunan sosio-ekonomi.

Ketersediaan statistik di peringkat tempatan yang lebih terperinci memberi manfaat kepada kerajaan negeri dan daerah dalam menambahbaik dasar dan program serta keperluan sosioekonomi rakyat. Data terperinci yang tersedia sehingga peringkat daerah dapat menjadi input yang lebih baik dalam penyediaan perancangan yang lebih bersasar.

Penerbitan ini meliputi 12 bidang sosial dan lapan bidang ekonomi iaitu maklumat asas; penduduk; perumahan; guna tenaga; pendapatan dan perbelanjaan; pendidikan; kesihatan; perkhidmatan kebajikan; keselamatan awam; pelancongan, pengangkutan dan rekreasi; internet dan media sosial; kemudahan asas; keluaran dalam negeri kasar (KDNK); indeks harga pengguna; eksport dan import; pertanian; perlombongan dan pengkuarian; pembuatan; pembinaan dan perkhidmatan.

**Embargo:** Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Isnin, 27 November 2023**

Penerbitan ini mengandungi 18 jadual baharu di peringkat nasional dan enam di peringkat negeri dan empat di peringkat daerah pada 2022. Topik merangkumi penduduk; guna tenaga; perkhidmatan kebajikan; pelancongan, pengangkutan dan rekreasi; internet dan media sosial; kemudahan asas; perlombongan dan pengkuarian; pembuatan; pembinaan dan perkhidmatan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "antara penemuan utama dari segi **demografi** menunjukkan jumlah penduduk Malaysia pada 2022 dianggarkan 32.7 juta dengan 92.4 peratus terdiri daripada warganegara dan 7.6 peratus bukan warganegara. Berdasarkan anggaran penduduk semasa pertengahan tahun 2022, Petaling, Selangor merupakan daerah yang mempunyai jumlah penduduk tertinggi iaitu 2.30 juta diikuti Johor Bahru, Johor (1.72 juta) dan Ulu Langat, Selangor (1.41 juta)".

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata, "berdasarkan penemuan dalam bidang **internet dan media sosial**, peratusan capaian isi rumah kepada internet di Malaysia ialah 96.0 peratus pada 2022. Dari segi kemudahan internet di peringkat daerah, Ulu Langat, Selangor mencatatkan peratusan capaian isi rumah kepada internet tertinggi iaitu 100.0 peratus diikuti oleh Sepang, Selangor (99.9%) dan Gombak, Selangor (99.7%). Daripada 156 daerah pentadbiran di Malaysia, 38 daerah pentadbiran mencatatkan peratusan capaian isi rumah kepada internet di bawah 90.0 peratus".

Penemuan dalam bidang **pendidikan** menunjukkan terdapat 10,230 buah sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan yang merangkumi 7,778 buah sekolah rendah dan 2,452 buah sekolah menengah pada 2022. Bilangan guru sekolah rendah dan menengah masing-masing meningkat 0.1 peratus dan 2.9 peratus pada 2022 berbanding 2021. Selain itu, bilangan murid sekolah rendah, menengah dan lepasan menengah masing-masing turut meningkat sebanyak 0.1 peratus, 1.3 peratus dan 2.9 peratus dalam tempoh yang sama. Dari segi **kemudahan pendidikan** di peringkat daerah, Johor Bahru, Johor mencatatkan bilangan sekolah rendah dan sekolah menengah tertinggi iaitu masing-masing sebanyak 183 sekolah rendah dan 87 sekolah menengah diikuti oleh Petaling, Selangor (147 sekolah rendah dan 77 sekolah menengah) dan Kinta, Perak (140 sekolah rendah dan 60 sekolah menengah).

**Embargo:** Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Isnin, 27 November 2023**

Dari segi **tenaga buruh**, pasaran buruh Malaysia terus mengukuh pada 2022 berikutan peningkatan berterusan bilangan tenaga buruh, merekodkan kenaikan sebanyak 1.4 peratus kepada 16.02 juta orang (2021: 15.80 juta orang). Momentum positif ini disumbangkan oleh lonjakan bilangan penduduk bekerja dan pengurangan bilangan penganggur, selaras dengan pembukaan semula aktiviti ekonomi dan sosial serta semua negeri berada di peringkat terakhir Pelan Pemulihan Negara pada tahun tersebut. Sementara itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) naik sebanyak 0.7 mata peratus merekodkan 69.3 peratus (2021: 68.6%). Klang, Selangor mencatatkan KPTB tertinggi di peringkat daerah sebanyak 78.6 peratus diikuti oleh Petaling, Selangor (78.5%) dan Beluran, Sabah (78.3%).

Dalam sektor **kesihatan**, bilangan personel perubatan kerajaan dan swasta pada 2022 meningkat 2.7 peratus berbanding 2021. Bilangan doktor meningkat 2.2 peratus kepada 79,443 orang berbanding 77,755 orang (2021). Bilangan doktor gigi dan jururawat masing-masing turut meningkat iaitu sebanyak 6.9 peratus dan 2.7 peratus kepada 13,436 orang dan 139,698 orang pada 2022. Justeru itu, nisbah doktor kepada penduduk di Malaysia bertambah baik pada 2022 iaitu seorang doktor kepada 412 penduduk (1:412) berbanding 2021 (1:419). Nisbah doktor kepada penduduk di Malaysia pada 2022 juga telah mencapai sasaran nisbah 1:425 yang disasarkan dalam Pelan Strategik KKM 2021-2025. Tujuh negeri telah mencapai sasaran nisbah 1:425 iaitu Kelantan (1:417), Melaka (1:366), Negeri Sembilan (1:346), Perlis (1:405), Pulau Pinang (1:407), W.P. Kuala Lumpur (1:193) dan W.P. Putrajaya (1:52).

Merujuk kepada **perkhidmatan kebajikan**, bilangan kumulatif Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar pada 2022 meningkat sebanyak 8.6 peratus kepada 674,548 orang berbanding 621,248 orang pada 2021. Kategori ketidakupayaan fizikal mencatatkan peratus tertinggi iaitu 36.3 peratus diikuti masalah pembelajaran (35.1%) dan penglihatan (8.8%). Di peringkat daerah, Johor Bahru, Johor merekodkan bilangan kumulatif OKU yang berdaftar tertinggi iaitu 44,998 orang diikuti Petaling, Selangor (32,534 orang) dan Klang, Selangor (19,241 orang). Seramai 535,321 orang di Malaysia telah menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sabah mencatatkan bilangan penerima bantuan tertinggi pada 2022 iaitu 63,932 orang, diikuti Johor (54,536 orang) dan Sarawak (52,516 orang).

**Embargo:** Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Isnin, 27 November 2023**

Bagi **pengangkutan**, pendaftaran baharu kenderaan bermotor yang direkodkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan pada 2022 mencatatkan peningkatan 27.7 peratus kepada 1.5 juta kenderaan berbanding 1.2 juta (2021). Kenderaan awam mencatatkan peningkatan pendaftaran baharu tertinggi iaitu 58.3 peratus diikuti motokar (40.4%) dan lain-lain kenderaan (32.7%). W.P. Kuala Lumpur mencatatkan bilangan pendaftaran baharu kenderaan bermotor tertinggi pada 2022 iaitu 76.5 ribu kenderaan, diikuti Sabah (43.1 ribu kenderaan) dan Johor (36.3 ribu kenderaan).

Statistik **perumahan** menunjukkan bilangan tempat kediaman yang dicatatkan pada 2022 adalah 10.12 juta, yang dianggarkan berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020. Di peringkat daerah, Petaling, Selangor mempunyai jumlah tempat kediaman yang tertinggi pada tahun 2022 iaitu 715.6 ribu unit diikuti Johor Bahru, Johor (664.7 ribu unit) dan Ulu Langat, Selangor (455.2 ribu unit).

Penerbitan ini dapat dijadikan rujukan dalam membuat perancangan di peringkat kerajaan tempatan dari segi penyediaan fasiliti awam, penambahbaikan perkhidmatan kebajikan dan meningkatkan tempat kediaman mampu milik. Statistik terperinci ini amat diperlukan dalam mengarus perdana sasaran sosioekonomi negara bagi pembangunan inklusif dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan menitikberatkan kesejahteraan rakyat.

My Local Stats 2022 boleh dimuat turun secara percuma di portal Jabatan Perangkaan Malaysia [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my). Penerbitan ini juga boleh diakses melalui *mobile apps* dan aplikasi web mulai Januari 2024.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


**Embargo:** Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Isnin, 27 November 2023**

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

**Embargo:** Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Isnin, 27 November 2023


### Carta 1: 10 daerah pentadbiran dengan bilangan penduduk tertinggi, Malaysia, 2022



Nota:

Merujuk kepada anggaran penduduk semasa pertengahan tahun

### Carta 2: 10 daerah pentadbiran dengan bilangan sekolah rendah tertinggi, Malaysia, 2022




Nota:

Merujuk kepada sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

**Embargo:** Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Isnin, 27 November 2023**

**Carta 3: 10 daerah pentadbiran dengan bilangan sekolah menengah tertinggi, Malaysia, 2022**




Nota:

Merujuk kepada sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia


**Carta 4: 10 daerah pentadbiran dengan bilangan tempat kediaman tertinggi, Malaysia, 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

**Embargo:** Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Isnin, 27 November 2023**

**Carta 5: 10 negeri dengan bilangan pendaftaran baharu kenderaan bermotor tertinggi, Malaysia, 2022**



Sumber: Jabatan Pengangkutan Jalan

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETAU PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**27 NOVEMBER 2023**

**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Monday, 27<sup>th</sup> November 2023**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**MY LOCAL STATS 2022**

---

***The percentage of household access to the internet in Malaysia was 96.0 per cent in 2022 while 38 out of 156 administrative districts in Malaysia recorded a percentage of household access to the internet below 90.0 per cent***

**PUTRAJAYA, 27<sup>th</sup> NOVEMBER 2023 –** Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **My Local Stats 2022**, the sixth series since 2017. My Local Stats publication comprise the whole country, 13 states and three federal territories publications as well as 156 administrative districts. The publications integrate social and economic statistics up to the administrative district level from 2020 to 2022 that are crucial input for socio-economic development.

*The availability of more detailed statistics at the local level benefits state and district governments in improving policies and programmes as well as socio-economic needs of the people. Disaggregated data available up to the district level serves as a better input in the preparation of more targeted planning.*

*This publication comprises 12 social areas and eight economic areas which are basic information; population; housing; employment; income and expenditure; education; health; welfare services; public safety; tourism, transportation and recreation; internet and social media; basic amenities; gross domestic product (GDP); consumer price index, exports and imports; agriculture; mining and quarrying; manufacturing; construction and services.*

**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Monday, 27<sup>th</sup> November 2023**

*This publication incorporated 18 new statistical tables at the national level and six at the state and four at the district levels in 2022. The topics encompass basic information; population; employment; welfare services; tourism, transport and recreation; internet and social media; basic amenities; mining and quarrying; manufacturing; construction and services.*

*Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "among the main findings in terms of **demography** showed that the total population of Malaysia in 2022 was estimated at 32.7 million with 92.4 per cent comprised citizens and 7.6 per cent non-citizens. According to mid-year current population estimates 2022, Petaling, Selangor was the district with the highest population at 2.30 million, followed by Johor Bahru, Johor (1.72 million) and Ulu Langat, Selangor (1.41 million)".*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said, "based on findings in the field of **internet and social media**, the percentage of household access to the internet in Malaysia was 96.0 per cent in 2022. In terms of internet facilities at the district level, Ulu Langat, Selangor recorded the highest percentage of household access to the internet at 100.0 per cent, followed by Sepang, Selangor (99.9%) and Gombak, Selangor (99.7%). Out of 156 administrative districts in Malaysia, 38 administrative districts recorded a percentage of household access to the internet below 90.0 per cent".*

*Findings in the **education** field showed that there were 10,230 government and government-aided schools which includes 7,778 primary schools and 2,452 secondary schools in 2022. The number of primary and secondary school teachers increased 0.1 per cent and 2.9 per cent, respectively in 2022 as compared to 2021. The number of primary, secondary and post-secondary pupils also increased 0.1 per cent, 1.3 per cent and 2.9 per cent, respectively during the same period. In terms of **educational facilities** at the district level, Johor Bahru, Johor recorded the highest number of primary and secondary schools namely 183 primary schools and 87 secondary schools respectively followed by Petaling, Selangor (147 primary schools and 77 secondary schools) and Kinta, Perak (140 primary schools and 60 secondary schools).*

**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Monday, 27<sup>th</sup> November 2023**

*In terms of **employment**, Malaysia's labour market strengthened further in 2022 due to the continuous increase in the number of labour force, rose by 1.4 per cent to register 16.02 million persons (2021: 15.80 million persons). A positive momentum was contributed by a surge in the number of employed persons and a further reduction in the number of unemployed, in line with the reopening of economic and social activities as all states were in the last stage of the National Recovery Plan during the year. Meanwhile, the labour force participation rate (LFPR) went up by 0.7 percentage points to record 69.3 per cent (2021: 68.6%). Klang, Selangor recorded the highest LFPR at the district level of 78.6 per cent, followed by Petaling, Selangor (78.5%) and Beluran, Sabah (78.3%).*

*In the **health** sector, the number of government and private medical personnel in 2022 increased 2.7 per cent as compared to 2021. The number of doctors increased by 2.2 per cent to 79,443 persons as compared to 77,755 persons (2021). The number of dentists and nurses also increased at 6.9 per cent and 2.7 per cent, respectively to 13,436 persons and 139,698 persons in 2022. Therefore, the doctor-to-population ratio at Malaysia improved in 2022 which is one doctor to 412 population (1:412) as compared to 2021 (1:419). The doctor-to-population ratio at Malaysia in 2022 has also reached the target ratio of 1:425 targeted in the KKM Strategic Plan 2021-2025. Seven states have reached the ratio target of 1:425, namely Kelantan (1:417), Melaka (1:366), Negeri Sembilan (1:346), Perlis (1:405), Pulau Pinang (1:407), W.P. Kuala Lumpur (1:193) and W.P. Putrajaya (1:52).*

*In reference to **welfare services**, the cumulative number of registered Persons with Disabilities (PWD) in 2022 increased by 8.6 per cent to 674,548 persons as compared to 621,248 persons in 2021. The physical disability category recorded the highest percentage of registered PWD at 36.3 per cent, followed by learning disability (35.1%) and visually impaired (8.8%). At the district level, Johor Bahru, Johor recorded the highest cumulative number of registered PWDs at 44,998 persons, followed by Petaling, Selangor (32,534 persons) and Klang, Selangor (19,241 persons). A total of 535,321 persons in Malaysia received assistance from the Social Welfare Department. Sabah recorded the highest number of beneficiaries in 2022 which was 63,932 persons, followed by Johor (54,536 persons) and Sarawak (52,516 persons).*

**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Monday, 27<sup>th</sup> November 2023**

As for **transportation**, new registrations of motor vehicles by the Road Transport Department in 2022 showed an increase of 27.7 per cent to 1.5 million vehicles as compared to 1.2 million (2021). Public transport recorded the highest increase in new registrations at 58.3 per cent, followed by motorcar (40.4%) and other vehicles (32.7%). W. P. Kuala Lumpur recorded the highest number of new registrations of motor vehicles in 2022 at 76.5 thousand vehicles, followed by Sabah (43.1 thousand vehicles) and Johor (36.3 thousand vehicles).

**Housing** statistics showed that the number of living quarters recorded in 2022 were 10.12 million, which is estimated based on the Population and Housing Census of Malaysia 2020. At the district level, Petaling, Selangor has the highest number of living quarters in 2022 which were 715.6 thousand units followed by Johor Bahru, Johor (664.7 thousand units) and Ulu Langat, Selangor (455.2 thousand units).

This publication can be used as a reference in planning at the local government level in terms of providing public facilities, improve welfare services and improve affordable housing. These detailed statistics are essential in mainstreaming the country's socio-economy target for inclusive development and ensuring sustainable economic growth by emphasizing the people's well-being.

My Local Stats 2022 can be downloaded for free on the Department of Statistics Malaysia portal [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my). This publication will also be accessible through mobile apps and web applications starting January 2024.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data and can be accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.


**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Monday, 27<sup>th</sup> November 2023**

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agriculture Development".

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 27<sup>th</sup> November 2023


**Chart 1: Top 10 administrative districts with high number of population, Malaysia, 2022**



Note:

Refers to the mid-year current population estimates

**Chart 2: Top 10 administrative districts with high number of primary school, Malaysia, 2022**




Note:

Refer to government and government-aided schools

Source: Ministry of Education Malaysia

**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 27<sup>th</sup> November 2023

**Chart 3: Top 10 administrative districts with high number of secondary school, Malaysia, 2022**




Note:

Refer to government and government-aided schools

Source: Ministry of Education Malaysia

**Chart 4: Top 10 administrative districts with high number of living quarters, Malaysia, 2022**


Number ('000)



Source: Department of Statistics Malaysia (DOSM)

**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Monday, 27<sup>th</sup> November 2023**

**Chart 5: Top 10 states with high number of new registrations of motor vehicles,  
Malaysia, 2022**



Source: Road Transport Department

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**27<sup>th</sup> NOVEMBER 2023**